

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 JANUARI 2024
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 7

Audit keselamatan secara berkala

Audit keselamatan secara berkala

Bagi memastikan keselamatan sistem PADU daripada ancaman serangan siber

Oleh **TUAN BUHQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN PUTRAJAYA**

Kerajaan perlu melaksanakan audit keselamatan secara berkala terhadap Sistem Pengaliran Data Utama (PADU) dengan mengambil kira faktor ancaman serangan siber dan perkembangan arus teknologi.

Ketua Pegawai Eksekutif Cybersecurity Malaysia, Datuk Dr Aminudin Wahab berkata, langkah itu bagi memastikan keselamatan pengaliran data dari portal sistem itu terus terjamin.

"Kalau kita kata sekarang selamat, tidak semestinya lima atau enam bulan akan datang ia masih selamat. Sebab itu pertanya audit dilakukan," katanya menerusi Forum Mesejuri Perisihai Melalui PADU di sini pada Selasa.

Menurutnya, keselamatan siber penting untuk sesebuah organisasi beroperasi dengan lebih efisien dan kritikal bagi melindungi data tersebut.

"Kita perlu mengambil kira faktor baharu pedaran masa, teknologi canggih dan akan ada trend baharu yang mungkin memberi ancaman," katanya.

Beliau berkata, sebagai sebuah negara yang mempunyai penembusan internet tinggi iaitu 96.8 peratus dan 148.6 peratus penembusan telefon pintar, Malaysia berdepan dengan risiko dan ancaman keselamatan siber.

"Pensejuaan lengkap adalah kunci untuk menangan ancaman siber di masa akan datang," ujarnya.

"Kalau kita kata sekarang selamat, tidak semestinya lima atau enam bulan akan datang ia masih selamat. Sebab itu pertanya audit dilakukan," katanya menerusi Forum Mesejuri Perisihai Melalui PADU di sini pada Selasa.

Menurutnya, keselamatan siber penting untuk sesebuah organisasi beroperasi dengan lebih efisien dan kritikal bagi melindungi data tersebut.

"Kita perlu mengambil kira faktor baharu pedaran masa, teknologi canggih dan akan ada trend baharu yang mungkin memberi ancaman," katanya.

Beliau berkata, sebagai sebuah negara yang mempunyai penembusan internet tinggi iaitu 96.8 peratus dan 148.6 peratus penembusan telefon pintar, Malaysia berdepan dengan risiko dan ancaman keselamatan siber.

"Pensejuaan lengkap adalah kunci untuk menangan ancaman siber di masa akan datang," ujarnya.

LAPORAN MUKA DEPAN

PENYEDIAAN SISTEM PENGALIRAN DATA UTAMA (PADU)

- Pendaftaran PADU dibuat secara langsung bermula Selasa sehingga 31 Mac.
- Ia bagi membolehkan orang ramai mengemaskini data mengemaskini 30 hari sebelum peribadi seperti nombor kad pengenalan, bilangan isi rumah dan alamat.
- Semua rakyat yang berumur 18 tahun ke atas perlu mendaftar dan membuat senarai data di portal PADU.

upayaan untuk melakukannya," katanya.

Tambah beliau, keberkesanan PADU bergantung kepada tindakan proaktif setiap pemilik program kerana jika tidak ia akan menjadi perpustakaan data semata-mata.

"Data dan teknologi adalah pemudah cara tetapi keberkesanannya tetap bergantung kepada individu bertanggungjawab terhadap perkhidmatan tersebut," tambahnya.

Sementara itu, Pengarah Pusat Penyelidikan Keselamatan Sosial (SWAC) Universiti Malaya, Profesor Emeritus Datuk Dr Norma Mansor berkata, data yang terkandung di dalam PADU juga perlu dikemas kini secara berkala.

Menurut beliau, sekiranya elemen tersebut dibekalkan, data berkenaan akan menjadi statistik dan tidak efisien.

"Kita tidak mahu lagi orang yang telah meninggal dunia ada di dalam data PADU dan mendapat bantuan," jelasnya.

Ujar Norma, pengemaskinian itu perlu dilakukan oleh rakyat dengan sokongan dan bantuan pihak berkaatan.

"Ini kerana terdapat rakyat yang tidak mempunyai ku-



Aminudin (tengah) dan Norma (kanan) dalam sesi forum sempena pelancaran PADU di Putrajaya pada Selasa.